

HARI : RABU  
 TARikh : 9/10/2019  
 M/SURAT : 10

LAPORAN  
Utusan  
Malaysia,  
semalam.



# Mana peruntukan PSP 2019?

Oleh AZRUL HAKIMIE ANUER  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 8 OKT.

**P**ERGERAKAN Pemuda UMNO hari ini mempersoalkan kedudukan peruntukan sebanyak RM2 bilion bagi pelaksanaan Program Subsidi Petrol (PSP) yang telah dibentang dan diluluskan dalam Belanjawan 2019, tahun lalu.

Hal ini berikutan keputusan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail bahawa PSP hanya akan dilaksanakan mulai 1 Januari tahun depan.

Sehubungan itu, Ketua Menteri Dr. Asyraf Wajdi Dusuki mahukan penjelasan sama ada PSP yang akan dilaksanakan itu akan menggunakan peruntukan melalui Belanjawan 2020 ata peruntukan sedia ada.

"Ucapan Belanjawan 2019 oleh Lim Guan Eng tahun lepas memperuntukkan RM

bilion bagi PSP ini. Sekiranya Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berkata pelaksanaan dimulakan pada 1 Januari 2020. Adakah ia menggunakan peruntukan Belanjawan 2020?

"Bagaimana pula (peruntukan) RM2 bilion yang sepatutnya digunakan untuk program ini?" soalnya dalam kenyataan di sini hari ini.

Asyraf Wajdi turut mempersoalkan kegagalan kerajaan memberi komitmen untuk mengekalkan peruntukan subsidi sebanyak RM2 bilion untuk tahun mendatang.

"Kementerian menganggarkan tanggungan subsidi bagi pelaksanaan program ini adalah RM65.4 juta sebulan atau RM784.8 juta setahun."

"Mengapa kerajaan tidak boleh memberikan komitmen untuk mengekalkan peruntukan RM2 bilion setahun untuk tahun-tahun akan datang seperti yang dijanjikan dalam ucapan Belanjawan 2019?" katanya.



ASYRAF WAJDI  
DUSUKI